

Projek atasi banjir

» JPS bina tebatan banjir di Kota, Rembau, Kuala Pilah

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
tuty@bharian.com.my

► Seremban

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah mengambil beberapa langkah mengatasi masalah banjir di negeri ini, menerusi Projek Tebatan Banjir yang sudah mula dilaksanakan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan, Datuk VS Mogan, berkata dua kawasan terbabat dengan Rancangan Tebatan Banjir ialah Kota, Rembau dan Kuala Pilah.

Projek cegah banjir

Katanya, Rancangan Tebatan



Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan **berbincang dengan** Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Razak Mansor selepas pembentangan terakhir Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Ke-12 di Dewan Undangan Negeri.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD / BH]

Banjir Kota yang menelan kos RM1.6 juta sudah bermula Julai lalu dan dijangka siap sepenuhnya Februari depan, manakala projek di Kuala Pilah dengan kos RM1.25 juta bermula Oktober lalu dan dijangka siap dalam masa setahun.

"Selain itu, JPS turut melaksanakan kerja penyelenggaraan sungai dan menggali sungai (di beberapa kawasan sering dilanda banjir) sejak bulan lalu, bagi mencegah banjir dengan

peruntukan RM2 juta.

"Usaha menggali sungai yang dijangka siap bulan ini diharap dapat mengurangkan masalah banjir kilat sekali gus mengurangkan jumlah mangsa banjir," katanya menjawab soalan lisan Adnan Abu Hasan (BN-Pilah) pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Sementara itu, kerajaan negeri menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan kepada pengusaha kecil di kawasan luar bandar dalam usaha

“

Usaha menggali sungai yang dijangka siap bulan ini diharap **dapat mengurangkan masalah banjir kilat** sekali gus mengurangkan jumlah mangsa banjir”

VS Mogan,

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan

membantu mereka memajukan perniagaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Sembilan, Datuk Yunus Rahmat, berkata antara kemudahan disediakan ialah penganjuran kursus mengenai peningkatan kualiti produk dan promosi.

"Melalui bantuan ini, terutama kepada pengusaha kecil yang menjalankan perniagaan di lokasi strategik, perniagaan mereka diharap lebih maju sekali gus meningkatkan pendapatan," katanya menjawab soalan lisan Mustapha Salim (BN-Lenggeng).